

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 17 April 2016 11:38
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah
Subject: RALAT: PENGARAH IPQ TERIMA ANUGERAH BEST DIRECTOR AWARD



IPQ ONLINE: Pengarah Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah telah menerima anugerah *Best Director Award* di *The Golden Globe Tigers Award 2016* yang berlangsung pada 11 April 2016 di Pullman Kuala Lumpur City Centre Hotel & Residences. Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada individu dan organisasi yang cemerlang iaitu merentasi pelbagai bidang, disiplin dan industri.

“Kejayaan ini adalah kejayaan setiap warga IPQ. Budaya kerja berpasukan, setia kawan dan kesungguhan untuk memberikan yang terbaik telah membolehkan IPQ terus mengorak langkah dalam menjadikan dirinya sebagai salah sebuah PTJ yang disegani di UUM. Saya yakin lebih banyak kejayaan mampu diraih oleh IPQ khususnya dan UUM amnya di masa hadapan apabila budaya kerja cemerlang benar-benar menjadi DNA IPQ dan UUM” ujarnya.

“Saya amat berharap agar anugerah ini mampu memberi inspirasi kepada setiap warga kerja IPQ untuk menjadikan kecemerlangan dan keredhaan Allah s.w.t. sebagai matlamat utama semasa menjalankan setiap tugas yang diamanahkan. Kecemerlangan IPQ mahupun UUM bukan bergantung kepada pihak luar tetapi warganya sendiri. Untuk itu setiap warga kerja UUM perlu ada cita-cita untuk menjadikan diri masing-masing sebagai ejen kecemerlangan UUM” ujarnya lagi.

Dengan pengiktirafan ini, IPQ sekali lagi membuktikan kemampuannya untuk terus melangkah menjadi sebuah PTJ yang mampu memacu agenda kualiti, perancangan korporat dan daya saing UUM di peringkat nasional dan global sejajar dengan *tagline* iaitu *Focus.Accurate.Sharp.Timely - IPQ Drives UUM's Endless Potentials*.

Habis

=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUS. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 4675
FAKS :04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>

